

▼01/10/16-49MST

CNS9295

R GB 01-10 00197 BA651

bah

RAKYAT ISLAM BOSNIA HARUS DIBERI LEBIH BANYAK KAWASAN
Daripada Salmu Hashim

I

NEW YORK, 1 Okt. (Bernama) -- Parlimen yang dikuasai rakyat Islam Bosnia mempunyai asas untuk menolak rancangan damai antarabangsa bagi republik yang musnah oleh peperangan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam.

"Mereka harus diberi lebih banyak kawasan terutama jalan masuk ke laut, jika tidak mereka tidak dapat hidup sebagai satu negara," katanya kepada pemberita selepas pertemuan setengah jam dengan Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Asia Timur dan Pasifik, Clifton Wharton di bilik hotelnya.

Penolakan rancangan itu boleh menangguhkan dan mungkin menggagalkan satu penyelesaian yang boleh menamatkan peperangan 18 bulan dengan memecahkan negara itu kepada tiga negeri bagi puak Croat, Islam dan Serb.

Parlimen menamatkan perbahasan dua hari dengan majoriti 58 daripada 69 yang mengundi, untuk memulangkan semula rancangan itu kepada para perunding bagi Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan permintaan supaya rancangan itu membolehkan penyerahan balik wilayah yang dirampas melalui paksaan kepada rakyat Islam Bosnia terutama oleh puak Serb yang kini menguasai 70 peratus daripada negara Bosnia. -- Bernama.

SH RON NMO

▼01/10/17-05MST